

DSP Pendidikan Jasmani Tahun 3  
Februari 2013



# KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

## DOKUMEN STANDARD PRESTASI PENDIDIKAN JASMANI TAHUN 3

*DISEMBER 2012*

## **FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN**

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

## **PENDAHULUAN**

Dokumen Standard Prestasi bagi mata pelajaran Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dibina sebagai panduan untuk guru menambahbaik Pentaksiran Sekolah sejajar dengan pelaksanaan Pentaksiran Rujukan Standard.

Pentaksiran Rujukan Standard merupakan proses mendapatkan maklumat tentang sejauh mana murid tahu dan boleh buat atau telah menguasai apa yang dipelajari mengikut tahap-tahap pencapaian seperti yang dihasratkan oleh kurikulum mata pelajaran ini.

Adalah diharapkan dokumen ini dapat memberi maklumat yang lengkap dan tepat kepada guru tentang hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menekankan tentang pembinaan modal insan yang berteraskan kepada pembangunan jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial.

## **MATLAMAT KURIKULUM**

Kurikulum Standard Pendidikan Jasmani Sekolah Rendah bertujuan membina murid menjadi individu yang cergas dan sihat serta berkemahiran, berpengetahuan dan mengamalkan nilai murni melalui aktiviti fizikal ke arah mencapai kesejahteraan hidup.

## **OBJEKTIF KURIKULUM**

Murid yang mengikuti pengajaran dan pembelajaran Kurikulum Standard Pendidikan Jasmani Sekolah Rendah berkebolehan untuk:

1. Mengaplikasi konsep pergerakan semasa melakukan kemahiran asas pergerakan dengan lakuan yang betul;
2. Menguasai kemahiran asas permainan mengikut kategori serangan, jaring dan memadam dengan lakuan yang betul;
3. Mengenal pasti kedudukan anggota badan yang betul semasa melakukan pergerakan;
4. Mengenal pasti aktiviti meningkatkan tahap kecergasan;
5. Memerihal kepentingan melakukan aktiviti fizikal secara berkala;
6. Mempamerkan tanggungjawab sendiri semasa melakukan aktiviti fizikal;
7. Melaksanakan aktiviti fizikal dalam suasana yang seronok dan persekitaran yang selamat;
8. Mematuhi peraturan dan mengamalkan langkah keselamatan semasa melakukan aktiviti fizikal; dan
9. Mengamalkan gaya hidup sihat untuk kesejahteraan.

## TAFSIRAN

- **Band** ialah satu label yang digunakan untuk menunjukkan tanda aras tertentu yang disusun secara hierarki digunakan bagi tujuan pelaporan individu.
- **Standard** ialah satu pernyataan tentang sesuatu domain merujuk kepada tanda aras tertentu dan bersifat generik bagi memberi gambaran holistik tentang individu.
- **Standard Prestasi** ialah pernyataan tentang tahap perkembangan pembelajaran murid yang diukur berdasarkan standard dan menunjukkan di mana kedudukan murid dalam perkembangan atau kemajuan pembelajarannya. Perkembangan dalam standard itu terbahagi kepada dua iaitu perkembangan secara mendatar (konstruk) dan perkembangan menegak (band). Pertumbuhan murid dijelaskan dengan satu atau lebih *qualifier* menggunakan perkataan atau rangkaian kata yang betul menggambarkan standard dalam bentuk hasil pembelajaran.
- **Deskriptor** ialah pernyataan yang menerangkan apa yang murid tahu dan boleh buat berdasarkan standard di mana kualiti boleh ditaksir dan dicapai.
- **Evidens**
  - Murid** : Pernyataan yang menerangkan tentang bagaimana murid melaksanakan apa yang dia tahu dan boleh buat berdasarkan deskriptor.
  - Instrumen** : Bahan atau apa-apa bentuk bukti yang dapat ditunjukkan oleh murid yang melaksanakan sesuatu tugas dalam bentuk produk atau proses seperti foto, grafik, artifak, laporan dan lain-lain.
- **Instrumen** ialah alat yang digunakan untuk menguji penguasaan atau pencapaian murid bagi sesuatu domain seperti ujian bertulis, ujian secara lisan, demonstrasi, ujian amali.

## TAFSIRAN BAND

BAND	PERNYATAAN BAND	TAFSIRAN
6	TAHU, FAHAM DAN BOLEH BUAT DENGAN BERADAB MITHALI	Murid mampu menzahirkan idea yang kreatif dan inovatif, mempunyai keupayaan membuat keputusan untuk mengadaptasi permintaan serta cabaran dalam kehidupan seharian serta boleh berbicara untuk mendapatkan dan menyampaikan maklumat menggunakan ayat yang sesuai secara bertatasusila dan menjadi contoh secara tekal.
5	TAHU, FAHAM DAN BOLEH BUAT DENGAN BERADAB TERPUJI	Murid melaksanakan sesuatu kemahiran pada situasi baru, dengan mengikut prosedur atau secara sistematik, serta tekal dan bersikap positif.
4	TAHU, FAHAM DAN BOLEH BUAT DENGAN BERADAB	Murid melaksanakan sesuatu kemahiran dengan beradab, iaitu mengikut prosedur atau secara sistematik.
3	TAHU, FAHAM DAN BOLEH BUAT	Murid menggunakan pengetahuan untuk melaksanakan sesuatu kemahiran pada suatu situasi.
2	TAHU DAN FAHAM	Murid menunjukkan kefahaman untuk menukar bentuk komunikasi atau menterjemah serta menjelaskan apa yang telah dipelajari.
1	TAHU	Murid tahu perkara asas, atau boleh melakukan kemahiran asas atau memberi respons terhadap perkara yang asas.

<b>BAND</b>	<b>PERNYATAAN STANDARD</b>
1	Tahu melakukan kemahiran pergerakan dan aktiviti fizikal
2	Tahu dan faham melakukan kemahiran pergerakan dan aktiviti fizikal berkaitan kecergasan
3	Tahu, faham dan boleh mengembangkan pengetahuan dan kebolehan dalam kemahiran pergerakan dan kecergasan mengikut konsep pergerakan dan konsep kecergasan
4	Tahu, faham dan boleh mengaplikasi pengetahuan dan kebolehan untuk melakukan pergerakan dan aktiviti yang dapat mengekalkan dan meningkatkan kemahiran dan kecergasan
5	Menguasai dan mengaplikasi pengetahuan dan kebolehan atas kesedaran kepentingan melakukan pergerakan dan aktiviti fizikal untuk meningkatkan kemahiran dan kecergasan dan melakukannya secara seronok, mengamalkan langkah-langkah keselamatan dan mempamerkan tanggungjawab sendiri
6	Memperkembangkan pengetahuan dan kemahiran secara sistematik dan berterusan serta menjana kreativiti minda menjurus kepada gaya hidup sihat untuk kesejahteraan

BAND	PERNYATAAN STANDARD	DESKRIPTOR	EVIDENS
<p><b>1</b> <b>Tahu</b></p>	<p><b>B1</b> Tahu melakukan kemahiran pergerakan dan aktiviti fizikal</p>	<p><b>B1D1</b> Melakukan kemahiran gimnastik asas yang mudah</p> <p><b>B1D2</b> Melakukan kemahiran asas permainan yang mudah</p> <p><b>B1D3</b> Melakukan kemahiran asas olahraga</p>	<p><b>B1D1E1</b> Melakukanimbangan di atas bangku gimnastik</p> <p><b>B1D1E2</b> Melakukan aktiviti bergayut pada posisi badan lurus dan lutut difleksikan.</p> <p><b>B1D2E1</b> Menghantar dan menerima bola menggunakan tangan, kaki dan alatan.</p> <p><b>B1D2E2</b> Melakukan servis menggunakan tangan, kaki dan alatan.</p> <p><b>B1D2E3</b> Melakukan balingan bola atas bahu dan menangkap bola pelbagai aras.</p> <p><b>B1D3E1</b> Berlari dalam pelbagai kelajuan dan jarak.</p> <p><b>B1D3E2</b> Melompat menggunakan sebelah kaki dan mendarat dengan kaki yang berbeza.</p>





BAND	PERNYATAAN STANDARD	DESKRIPTOR	EVIDENS
<p style="text-align: center;"><b>3</b></p> <p style="text-align: center;"><b>Tahu, Faham dan Boleh Buat</b></p>	<p><b>B3</b> Tahu, faham dan boleh mengembangkan pengetahuan dan kebolehan dalam kemahiran pergerakan dan kecergasan mengikut konsep pergerakan dan konsep kecergasan</p>	<p><b>B3D1</b> Berkebolehan melakukan kemahiran gimnastik asas dengan lakuan yang betul</p> <p><b>B3D2</b> Berkebolehan melakukan kemahiran asas permainan dengan lakuan yang betul</p> <p><b>B3D3</b> Berkebolehan melakukan kemahiran asas lompatan dalam olahraga</p> <p><b>B3D4</b> Berkebolehan melakukan senaman dengan lakuan yang betul</p>	<p><b>B3D1E1</b> Mengimbang badan sebelum dan selepas melakukan guling depan.</p> <p><b>B3D2E1</b> Melakukan kemahiran mengadang dan memintas.</p> <p><b>B3D2E2</b> Menjaring menggunakan tangan, kaki dan alatan.</p> <p><b>B3D3E1</b> Melompat melepasi halangan pada pelbagai aras.</p> <p><b>B3D4E1</b> Melakukan senaman yang dapat meningkatkan kapasiti aerobik, daya tahan dan kekuatan otot dalam masa yang ditetapkan.</p>

		<b>B3D5</b> Berkebolehan melakukan kemahiran akuatik asas  atau  Berkebolehan melakukan aktiviti rekreasi dan kesenggangan	<b>B3D5E1</b> Mengawal pernafasan dan melakukan tendangan keribas (flutter kick) dalam posisi meniarap dan terlentang  atau  Bermain permainan strategi dan permainan tradisional
--	--	---	--

BAND	PERNYATAAN STANDARD	DESKRIPTOR	EVIDENS
<p><b>4</b></p> <p><b>Tahu, Faham dan Boleh Buat dengan Beradab</b></p>	<p><b>B4</b>                      Tahu, faham dan boleh mengaplikasi pengetahuan dan kebolehan untuk melakukan pergerakan dan aktiviti yang dapat mengekalkan dan meningkatkan kemahiran dan kecergasan</p>	<p><b>B4D1</b>                      Mengaplikasi kemahiran gimnastik asas</p> <p><b>B4D2</b>                      Mengaplikasi kemahiran asas permainan</p> <p><b>B4D3</b>                      Mengaplikasi konsep dan prinsip dalam kemahiran asas olahraga</p> <p><b>B4D4</b>                      Mengaplikasi aktiviti fizikal dalam komponen kecergasan</p> <p><b>B4D5</b>                      Mengaplikasi corak pergerakan mengikut irama</p>	<p><b>B4D1E1</b>                      Melakukan imbangan secara berkumpulan</p> <p><b>B4D1E2</b>                      Melakukan guling belakang</p> <p><b>B4D2E1</b>                      Melakukan balingan tangan lurus mengikut dan melawan arah pusingan jam.</p> <p><b>B4D3E1</b>                      Mengenalpasti lakuan yang betul dalam kemahiran asas berlari, lompatan dan balingan.</p> <p><b>B4D4E1</b>                      Melakukan dan menerangkan kepentingan senaman daya tahan dan senaman kekuatan otot</p> <p><b>B4D5E1</b>                      Melakukan satu rangkaian pergerakan mengikut tempo.</p>

BAND	PERNYATAAN STANDARD	DESKRIPTOR	EVIDENS
<p><b>5</b></p> <p><b>Tahu, Faham dan Boleh Buat dengan Beradab Terpuji</b></p>	<p><b>B5</b> Menguasai dan mengaplikasi pengetahuan dan kebolehan atas kesedaran kepentingan melakukan pergerakan dan aktiviti fizikal untuk meningkatkan kemahiran dan kecergasan dan melakukannya secara seronok, mengamalkan langkah-langkah keselamatan dan mempamerkan tanggungjawab sendiri</p>	<p><b>B5D1</b> Menguasai elemen pengurusan dan keselamatan</p> <p><b>B5D2</b> Mengamalkan tanggungjawab sendiri</p> <p><b>B5D3</b> Melibatkan diri dalam interaksi sosial dan dinamika kumpulan</p>	<p><b>B5D1E1</b> Mematuhi peraturan serta mengamalkan elemen pengurusan dan keselamatan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• persediaan diri dan pakaian</li> <li>• mematuhi peraturan keselamatan</li> <li>• menyimpan alatan di tempat yang sesuai</li> </ul> <p><b>B5D2E1</b> Mempunyai keyakinan dan tanggungjawab sendiri semasa melakukan aktiviti fizikal</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• berkeyakinan melakukan aktiviti</li> <li>• menerima cabaran dan berasa seronok</li> <li>• menerima kemenangan dan kekalahan secara positif</li> </ul> <p><b>B5D3E1</b> Berkebolehan berkomunikasi dan bekerjasama dengan baik di antara:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• guru</li> <li>• rakan</li> <li>• ahli kumpulan</li> </ul>

BAND	PERNYATAAN STANDARD	DESKRIPTOR	EVIDENS
<p><b>6</b> <b>Tahu, Faham dan Boleh Buat dengan Beradab Mithali</b></p>	<p><b>B6</b> Memperkembangkan pengetahuan dan kemahiran secara sistematik dan berterusan serta menjana kreativiti minda menjurus kepada gaya hidup sihat untuk kesejahteraan</p>	<p><b>B6D1</b> Mengamalkan konsep kemahiran pergerakan, kecergasan dan gaya hidup sihat.</p>	<p><b>B6D1E1</b> Berupaya dan menguasai semua kemahiran pergerakan dan aktiviti kecergasan serta memupuk kreativiti minda untuk kesejahteraan dan gaya hidup sihat.</p>